



**NOTIS PEMBERITAHUAN KETUA PENGARAH MTIB
KEPADA PENGILANG DAN PEMROSES KAYU
20 MAC 2020**

COVID 19 – PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Sebagai usaha Kerajaan dalam membendung wabak COVID 19 serta lanjutan daripada Kenyataan Media Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) pada 19 Mac 2020, seperti termaktub di para 3 (e) Kenyataan Media tersebut seperti berikut :

"Membenarkan aktiviti bagi sektor perkayuan beroperasi untuk memenuhi kontrak sedia ada yang telah dimeterai "

Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengilang dan pemproses kayu :

1. Pengilang dan pemproses kayu hanya **dibenarkan** beroperasi untuk memenuhi kontrak yang telah dimeterai untuk dipenuhi sehingga **30 April 2020** sahaja. Sila nyatakan juga kerugian/penalti yang bakal ditanggung sekiranya kontrak tidak dapat dipenuhi.
2. Pengilang dan pemproses kayu hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada **tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50%** daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
3. Pengilang dan pemproses kayu **WAJIB** mematuhi syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta lain-lain kementerian yang berkaitan.
4. Permohonan yang mengandungi maklumat pada perkara 1 dan 2 di atas hendaklah dimajukan menggunakan borang yang dilampirkan menerusi e-mel ke Pejabat MTIB Wilayah yang berdekatan :

Pejabat Wilayah Tengah - mtibpk@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Utara- mtibwu@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Selatan - mtibjb@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Timur (Pahang) - mtibku@mtib.gov.my

Pejabat MTIB Wilayah Timur (Terengganu) - mtibkt@mtib.gov.my

Pejabat Wilayah Timur (Kelantan)-mtibkb@mtib.gov.my

Unit Pelesenan Ibu Pejabat Kuala Lumpur- mcshehelp@mtib.gov.my

5. Semua permohonan akan dikemukakan untuk pertimbangan **Jawatankuasa Khas Permohonan Pengecualian Industri**. Keputusan Jawatankuasa ini adalah MUKTAMAD, dan tiada rayuan akan dilayan.

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
20 MAC 2020**



COVID 19 – PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Kepada :
Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

PENGESAHAN BILANGAN PEKERJA DAN KONTRAK UNTUK SYARIKAT YANG DIBENARKAN BEROPERASI

1. Merujuk perkara di atas, dimaklumkan bahawa syarikat kami akan beroperasi bagi memenuhi kontrak yang telah dimeterai, yang dilampirkan bersama ini.
2. Adalah dimaklumkan bahawa, daripada jumlah orang (*nyatakan bilangan pekerja berdaftar syarikat*) kakitangan syarikat ini, saya mengesahkan jumlah pekerja yang melapor diri dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah sejumlah orang. Bersama ini dilampirkan senarai pekerja yang terlibat.
3. Jumlah kerugian/penalti yang bakal ditanggung sekiranya tidak dapat beroperasi untuk memenuhi kontrak adalah RM
4. Sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat, pihak kami akan memajukan segera kepada MTIB.

Sekian, terima kasih

.....
(*Nama dan Tandatangan*)

Jawatan :

Cop Syarikat :

Lampiran :

(*Sila lampirkan :*

- *dokumen kontrak yang telah dimeterai*
- *senarai nama dan pengenalan pekerja*)